

# Kerajaan bertisaha ketengahka sistem perundangan Islam

Oleh Othman Mamat

JOHOR BAHRU, Jumaat-Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan yang diterajui Umno sedang berusaha menegakkan sistem perundangan Islam di negara ini, selaras hasratnya melihat Islam dimartabatkan.

Perdana Menteri berkata, usaha itu dilaksanakan secara berperingkat setelah beberapa sistem pentadbiran dan pengurusan berteraskan Islam yang diperkenalkan sebelum ini, diiktiraf oleh dunia Islam.

“Perjuangan kelslaman kita jelas. Dari segala aspek, kita mahu melihat Islam dimartabatkan.

“Bukanlah mudah untuk mempunyai sistem pendidikan, perbankan dan insurans yang komprehensif dan efisien dengan pe-

BH 9 SEP 2000

“**Bukanlah mudah untuk mempunyai sistem pendidikan, perbankan dan insurans yang komprehensif dan efisien dengan pelaksanaan secara Islam.**

” – Dr Mahathir Mohamad

laksanaan secara Islam.

“Namun, kita telah berjaya melaksanakannya. Dunia Islam juga ingin mempelajari daripada kita,” katanya dipetik daripada kata-kata aluan dalam buku cenderamata sempena Konvensyen Umno Johor 2000 yang berlangsung di Batu Pahat, esok.

Konvensyen kali ini dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kira-kira jam 3 petang esok, manakala penutupannya disempurnakan Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, pada Ahad.

Lebih 400 perwakilan daripada 20 bahagian Umno seluruh Johor di-

jangka menghadiri konvensyen dua hari bertema ‘Hidup Melayu Bersatu’.

Presiden Umno berkata, Umno sekarang bukan sekadar menjuarai suara Malaysia malah bersuara untuk kebaikan serantau dan dunia.

Dr Mahathir berkata, banyak pincang yang berlaku di dalam orde dunia tetapi dipandang sepi negara kuasa besar kerana kepentingan mereka yang tersendiri.

Beliau berkata, pandangan Malaysia yang pada mulanya ditolak, kini menunjukkan bukti kebenarannya, lantaran penerimaan sebahagian besar negara di dunia.

“Ini merangkumi sistem ekonomi, nasib umat Islam yang ditindas, pencabulan

hak asasi manusia, **demokrasi** dan **campur tangan asing** dalam urusan **tempatan**,” katanya.

Sehubungan itu, Dr **Mahathir** mengajak rakyat bersatu mempertahankan kedaulatan dan kekuasaan demi kebaikan semua **dengan** menyakini bahawa muafakat itu berkat.

Sementara itu, dalam kata-kata aluannya, **Abdullah** berkata, sejarah **bangsa Melayu** yang gemilang membuktikan bahawa **perpaduan kukuh** serta **permuafakatan erat** membolehkan pelbagai cabaran ditangani dengan **berkesan**.

“Kebijaksanaan dan **kesabaran** menjadi **sendi** perjuangan. Dalam jangka waktu yang singkat, **kita** berjaya meraih **kemakmur-**

**an** dan diukur **sama tinggi** dengan negara maju di dunia,” katanya.

Timbalan Presiden **Umno** berkata, kestabilan politik dan keutuhan **perpaduan** yang sedia terjana hari ini diuji kembali **apabila** kemewahan ekonomi negara dihakis oleh pihak luar yang tidak pernah berasa selesa dengan **pen-**

capaian rakyat negara ini. “Sekali **lagi** **kebijaksanaan** dan **kesabaran** **kita** diuji. Hanya **persediaan** **kita** untuk mempertahankan dan terus **memperkuh-**

kan **kemantapan** **perpaduan** yang sedia wujud akan dapat **menjamin** **ke-**

langsungan **kedaulatan** **kita**,” katanya.

**Abdul Ghani** pula **ber-**

kata, konvensyen itu perlu menjadi **medan** **percam-**

bahan pemikiran dan forum memperteguh **keinsafan** perjuangan **bangsa Melayu** selain wadah meningkatkan komitmen serta iltizam terhadap **perjuangan** sebenar **Umno** **supaya** tetap relevan dengan tuntutan masa, tempat dan suasana.

Beliau yang juga **Pengerusi** **Badan Perhubungan** **Umno** negeri mengimbas penubuhan **Umno** di **Istana Besar Johor** pada **11 Mei** 1946 yang menjadi gagasan besar **mencarta-**

kan masa depan agama, **bangsa** dan **tanah air**. “**Hasil** **perpaduan** di bawah nama **Umno** dan **kerjasama** dengan kaum lain, **kedaulatan** negara dan **maruah** **bangsa** ditebus dengan tercapainya **kemerdekaan** negara,” katanya.